

Reaksi Jardine Matheson & Co. Terhadap Insiden Rusuhan, Mogok dan Boikot di China (1925 -1926)

Jardine Matheson & Co's Reaction to Riot Incidents, Strikes and Boycotts in China (1925 -1926)

FAIRISA OTHMAN*, SUFFIAN MANSOR & MOHD SAMSUDIN

*Pusat Kajian Sejarah, Politik dan Hal Ehwal Antarabangsa, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia*

Corresponding author: fairisaothman@gmail.com

Received: 16 January 2023 Accepted: 26 March 2023

Abstrak

Artikel ini bertujuan menganalisis reaksi Jardine Matheson & Co. (JM) terhadap insiden rusuhan, mogok dan boikot yang dilakukan oleh rakyat China terutamanya golongan pekerja pada tahun 1925 sehingga 1926. Insiden tersebut berlaku secara besar-besaran dan berpanjangan. Bermula di bahagian selatan China dan merebak di kawasan yang lain. Rusuhan, mogok dan boikot menjadikan British sebagai sasaran utama. Ini menyebabkan JM antara syarikat British yang menerima kesan secara langsung daripada insiden tersebut. Aktiviti ekonomi JM seperti sektor perkapalan, pelabuhan dan perkilangan mengalami gangguan dan kemusnahan yang teruk. JM terpaksa menanggung kerugian yang sangat besar ekoran kerosakkan harta benda disebabkan rusuhan tersebut. Selain itu, JM juga terpaksa memenuhi permintaan golongan pekerja yang mendesak JM untuk menaikkan gaji mereka. Keadaan ini menyebabkan JM memberi reaksi terhadap insiden yang berlaku demi menjaga kedudukan dan kepentingan ekonomi JM di China. Justeru, untuk menganalisis reaksi JM terhadap insiden rusuhan, mogok dan boikot yang berlaku dalam tempoh yang dikaji artikel ini kaedah kualitatif dan kajian perpustakaan. Penelitian ke atas sumber pertama seperti surat menyurat, laporan Pejabat Luar London (FO371), dokumen dan minit mesyuarat syarikat JM dan persatuan peniaga British seperti *China Association* sebagai rujukan utama. Manakala sumber sekunder pula terdiri daripada kajian lepas seperti buku dan jurnal. Penggunaan kedua-dua sumber tersebut membantu dalam penulisan artikel ini. Hasil kajian ini diharapkan dapat memberi korpus ilmu tambahan dalam kajian sejarah China moden.

Kata kunci: Rusuhan; Boikot; Nasionalisme; Jardine Matheson & Co. (JM); Pejabat Luar

Abstract

This article examines Jardine Matheson & Co.'s (JM) response to the riots, strikes, and boycotts that the Chinese people, particularly the workers, engaged in from 1925 to 1926. The occurrence was widespread and lasted for a considerable amount of time, spreading from the south to other regions. The British were a prime target of protests, strikes, and boycotts. JM became one of the British companies that were immediately impacted by the disaster as a result. JM's business's shipping, port, and manufacturing sectors were severely disrupted and destroyed. JM suffered a large loss because of the riot's property damage. JM was also required to comply with the workers' requests for pay increases. To defend JM's position

and business interests in China, JM reacted to the incident because of the circumstance. Therefore, qualitative research methods and library research were utilized to examine JM's response to episodes of riots, strikes, and boycotts that happened throughout the time covered by this paper. Primary sources for the study included letters, reports from the London Foreign Office (FO371), meeting materials and minutes from the JM Company, and British business organizations including the China Association. While secondary sources are the results of earlier research, including books and journals. Both sources were used in the creation of this article. The results of this study are expected to add to the corpus of additional knowledge in the study of modern Chinese history.

Keywords: Riots; Boycott; Nationalism; Jardine Matheson & Co. (JM); Foreign Office

Pengenalan

Pada awal abad ke-20 di China mengalami perkembangan semangat nasionalisme yang bersifat massa. Sentimen anti-asing dan anti-imperialisme diterapkan dalam rakyat China untuk bangkit menentang kuasa asing. Kuasa asing dilihat sebagai faktor yang menyebabkan China mengalami kemerosotan. Kekalahan China dalam Perang Candu I dan II memberi peluang kepada syarikat British seperti Jardine Matheson & Co. (JM) untuk mengembangkan ekonomi dalam pelbagai sektor seperti perkapalan, perdagangan, perkilangan dan sebagainya. China gagal untuk bersaing dengan kuasa asing. Ekonomi China semakin merosot dan kehilangan kuasa di tanah air sendiri. Ini menimbulkan perasaan tidak puas hati dalam kalangan rakyat China terhadap kuasa asing terutamanya British. Sentimen anti-asing semakin kuat selepas pengaruh komunis tersebar dalam kesatuan pekerja. Kemuncak kepada perasaan tidak puas hati tersebut membawa kepada insiden rusuhan, boikot dan mogok yang berlaku secara besar-besaran dan perpanjangan. Keadaan ini memberikan kesan secara langsung kepada aktiviti ekonomi di pelabuhan, gudang dan kilang. Insiden yang berlaku juga menimbulkan pelbagai reaksi terutamanya daripada syarikat British seperti JM yang terkesan daripada situasi tersebut.

Latarbelakang Jardine Matheson & Co.

JM merupakan syarikat British yang terawal bertapak di China sejak abad ke-19. JM diasaskan oleh William Jardine dan James Matheson pada tahun 1832 di Canton. Bermula sebagai pedagang persendirian akhirnya JM berkembang menjadi sebuah syarikat British yang terpenting dan terbesar di China yang kekal sehingga hari ini. JM menyaksikan perubahan dan perkembangan yang berlaku di China dalam pelbagai aspek politik, ekonomi dan sosial. Malah, setiap perubahan dan perkembangan tersebut memberi kesan signifikan kepada JM. Sebagai contoh, kekalahan China dalam Perang Candu 1 (1839-1842) dan II (1856-1860) menyebabkan China kehilangan kuasa dan terpaksa membuka pintu perdagangan dengan kuasa asing. Ini membolehkan JM berkembang di pelabuhan lain seperti Hong Kong, Shanghai dan Amoy selain daripada Canton. JM semakin berkembang pesat selepas tahun 1860-an selari dengan usaha kerajaan Ch'ing untuk memulihkan semula dalam Gerakan Memperkuatkan Diri (1861-1895). JM cuba menjalin hubungan yang baik dengan kerajaan Ch'ing dengan memberi bantuan kewangan, pelaburan dan pinjaman.

Menjelang akhir tahun 1870-an, JM tidak lagi menumpukan kepada aktiviti perdagangan candu semata-mata. JM mula mempelbagaikan aktiviti ekonomi dengan

melibatkan diri dalam sektor pelabuhan dan perkapalan, perkilangan, industri tekstil, perbankan dan insurans serta terlibat dalam pembinaan landasan keretapi di China. JM mula membuka cawangan di kawasan utara dan pendalaman China seperti Hankow, Foochow, Tientsin dan Chikiang. JM juga menubuhkan pelbagai anak syarikat. Antaranya Indo China Steam Navigation (ICSN) yang menjadikan syarikat terpenting dalam aktiviti perkapalan yang menguasai perairan China. Selain itu, JM juga membuka tiga kilang memproses kain di Shanghai dengan menggunakan mesin tenun yang berkualiti daripada Eropah. Perkembangan yang berlaku ini membuka peluang pekerjaan kepada rakyat China. Sehingga tahun 1926, JM mempunyai lebih lapan ribu orang pekerja daripada rakyat China dalam pelbagai sektor.¹ JM mempunyai modal yang besar disebabkan oleh pelaburan yang dilakukan oleh pelabur di Eropah terutamanya di London.² Ini memberi kelebihan kepada JM untuk berkembang. Berbanding dengan syarikat tempatan yang tidak mempunyai modal yang besar dan kepakaran menyebabkan syarikat tempatan gagal untuk bersaing dengan syarikat asing seperti JM.

JM seterusnya kekal menjadi syarikat British yang berkembang pesat sehingga awal abad ke-20. Tidak dinafikan, JM turut menerima cabaran dan rintangan semasa awal pertapakan tetapi dengan adanya sokongan daripada Kerajaan Britain JM mampu berdiri teguh dan berkembang.³ Keadaan berbeza pada abad ke-20, kegiatan ekonomi JM mulai goyah terutamanya selepas Perang Dunia Pertama. Malah, kedudukan Britain sebagai kuasa asing paling kuat di Asia pada abad ke-19 juga dilihat mengalami kemerosotan. JM berhadapan kebangkitan nasioanlisme China yang memuncak pada tahun 1925 sehingga 1926. Tempoh tersebut memperlihatkan semangat nasionalisme dipengaruhi oleh parti Kuomintang dan Komunis yang berjaya mempengaruhi golongan pekerja dan pelajar untuk mengadakan mogok dan rusuhan terhadap kuasa asing seperti British dan Jepun. Sentimen anti-asing sehingga menyebabkan aktiviti ekonomi JM di China terganggu dan JM mengalami kerugian yang besar. Malah, pihak kerajaan British yang diharapkan membantu dan melindungi kedudukan JM tidak memihak kepada JM dan syarikat British yang lain. JM menjadi sasaran dan mangsa daripada semangat anti-imperialisme yang melakukan rusuhan, mogok dan boikot. JM menerima kesan secara langsung dan menyebabkan kedudukan JM tergugat. Bagi menjaga kepentingan JM di China, JM memberi reaksi dan berusaha untuk menyelesaikan masalah yang berlaku.

Perkembangan Nasionalisme China

Berdasarkan kajian yang dilakukan oleh sarjana seperti Rana Mitter dan H. Owen Chapmen menyatakan semangat nasionalisme berkembang pesat dan semakin ketara selepas tercetusnya Gerakan 4 Mei 1919. Menurut Rana Mitter gerakan 4 Mei 1919 merupakan titik tolak kepada kebangkitan rakyat menentang imperialisme yang memberi kesan kepada perubahan politik dalaman dan luaran China. Perasaan tidak puas hati golongan pelajar terhadap keputusan Perjanjian Versailles 1919⁴ H. Owen Chapmen juga bersetuju bahawa gerakan 1919 yang dimainkan oleh golongan pelajar memberi kesan kepada perkembangan nasioanlisme yang bersifat massa. Ini jelas berdasarkan kenyataan beliau:

For such propaganda work, the schoolboys of China as a class are peculiarly suitable. They are, more than any other social group, nationally self-conscious: they have an inflated conception of their own importance, are generally responsive and enthusiastic and have an extraordinary facility for making speeches; and finally, protected by a false analogy which ranks them

*with the old time Chinese scholars their person are regarded by all classes of the people as almost sacred, and their opinions as entitled to peculiar respect, so that they are able to engage in seditious propaganda or even mild rioting for which others would be imprisoned or shot.*⁵

Keadaan China yang berpecah belah memberi ruang kepada pihak asing untuk menekan China untuk menyertai Perang Dunia Pertama 1915-1918. China secara rasminya menyertai Perang Dunia pertama pada 1917 menentang Jerman. China menyertai pihak Berikat yang terdiri daripada Amerika Syarikat, Great Britain, Itali, Perancis dan Jepun. Penyertaan China dalam perang tersebut dilihat merugikan walaupun pihak Berikat telah menang dalam perang tersebut. China terpaksa menandatangani Perjanjian Versailles di Paris pada 1919 dan menyerahkan Shantung kepada Jepun. Malah, permintaan China agar Tuntutan 21 dihapuskan juga ditolak kerana dianggap di luar perjanjian damai. Keadaan ini menyebabkan golongan pelajar menentang keputusan rundingan damai tersebut sehingga membawa kepada meletusnya Gerakan 4 Mei 1919.

Pada 4 Mei 1919, seramai 5000 pelajar di Peking berkumpul di Medan Tianamen membantah Perjanjian Versailles. Gerakan ini tidak hanya tertumpu di Peking tetapi tersebar ke seluruh China. Mereka menubuhkan persatuan patriotik yang bertujuan menanam semangat kebangsaan dan cintakan negara. Selaiu itu, gerakan ini menerbitkan telegram anti-perjanjian tersebut. Mereka juga mengirimkan telegram ke seluruh negara dan perwakilan China di Paris yang menuntut membatalkan perjanjian rahsia China-Jepun dan melindungi hak China. Liang Ch'i-choa menerbitkan artikel bertajuk "*A Diplomatic Warning to Nation*" dalam Morning News di Beijing. Apabila kerajaan tidak mengendahkan tuntutan mereka, golongan pelajar mula bergerak ke rumah bekas menteri China ke Jepun iaitu Tsao Ju Lin. Pelajar memusnahkan rumah tetapi beliau sempat menyelamatkan diri.⁶

Gerakan ini mendapat sokongan daripada pelbagai lapisan masyarakat China terutamanya dalam kalangan pekerja kilang, pekerja pejabat dan peniaga. Golongan pekerja berganding bahu dengan golongan pelajar membantah perjanjian tersebut. Pekerja kilang mengadakan rapat umum dan mogok sebagai bantahan. Manakala golongan peniaga melancarkan boikot dan memulaukan barangan Jepun. Kempen pemulauan ke atas barangan Jepun dikembangkan lagi dengan usaha memulaukan perkhidmatan orang Jepun seperti perkhidmatan bank, iklan serta menolak wang Jepun. Di samping, menyokong barangan industri tempatan.⁷ Jelasnya, gerakan 4 Mei 1919 bukan hanya gerakan pelajar semata-mata tetapi cerminan kepada kebangkitan semangat nasionalisme secara menyeluruh.

Golongan pelajar yang menyertai gerakan terpengaruh dengan komunis sebahagian besar menyambung pengajian di Rusia. Pada tahun 1925, Soviet menubuhkan Moscow Sun Yat-sen University, 1000 orang pelajar Cina. Selepas tamat pengajian mereka kembali ke China dan menubuhkan persatuan pekerja dan petani, mengetuai rusuhan dan memainkan peranan penting dalam KMT dan PKC. Antaranya seperti Chiang Kai-shek dan Feng Hu-hsiang. Gerakan 4 Mei 1919 memberi kesan kepada perkembangan penerbitan di China. Penerbitan akhbar dan majalah membincangkan ideologi Barat seperti pragmatisme, *guild socialism*, *new village*, *anarkisme* serta *marxisme*.⁸ Ideologi marxisme mendapat sambutan berbanding dengan ideologi Barat yang lain. Marxisme digerakkan oleh Li Ta-cho dengan penulisan, menterjemahkan artikel, mengadakan kelas untuk memahami Marxisme. Beliau menulis artikel "*Comparison Between the French and Russian Revolutions*", "*Victory of Bolshevism*" dan *My Understanding of Marxism*. Penulisan beliau tersebar dalam kalangan pelajar universiti dan kolej. Manakala akhbar *Weekly Review* menterjemahkan *Manifesto of*

the Communist Party berperanan menyebarkan pengaruh komunis terutamanya di kalangan pekerja.⁹

Selepas 1920-an, pengikut ideologi Marxisme semakin meningkat sehingga membawa kepada penubuhan Parti Komunis China (PKC). Pada peringkat awal PKC bergerak secara sulit dan tidak diiktiraf sebagai parti yang sah di China. Pertemuan antara Sun Yat-sen dan Adolf Joffe pada September 1922 mewujudkan persefahaman antara kedua-duanya. Rusia bersetuju untuk membantu KMT dari segi kewangan, ketenteraan dan latihan. Sebagai balasan, KMT perlu menerima keahlian PKC dalam KMT. Hal ini membawa kepada pembentukan pakatan PKC dan KMT dalam Barisan Bersatu.¹⁰

Sentimen Anti-Imperialisme

Kerjasama KMT dan PKC pada 1923 membawa perubahan dalam gerakan nasionalis. Pada Januari 1924, kongres pertama KMT-PKC diadakan di Canton dan dipengerusikan oleh Sun Yat-sen. Seramai 165 delegasi terdiri daripada ahli KMT dan PKC hadir dalam kongres tersebut. Kongres memutuskan tiga dasar utama iaitu mengadakan pakatan dengan Rusia, mengadakan kerjasama dengan pihak komunis dan membantu petani dan pekerja. Kongres ini menandakan pembentukan pakatan KMT dan PKC secara rasmi. Selain itu, sentimen anti-imperialisme menjadi perkara penting dalam perjuangan KMT. Pemimpin KMT mula menekankan kelemahan China adalah disebabkan imperialisme Barat terutamanya British yang menindas dan menguasai ekonomi China. Selain itu, perjanjian yang berat sebelah dan tidak adil merugikan China.¹¹ Justeru, sentimen anti-imperialisme diterapkan bagi membangkitkan semangat nasionalisme dalam kalangan masyarakat. Kongres tersebut memutuskan untuk melancarkan ekspedisi ke Utara China *“The campaign is aimed not only at the overthrow of the warlords but more importantly, at imperialism on which alone they depend for their survival.”*¹²

Sun Yat-sen mengadakan syarahan bertujuan memberi kesedaran kepada masyarakat mengenai kemunduran dan kelemahan China berpunca daripada imperialisme. Beliau menerangkan China menghadapi tekanan ekonomi ekoran penguasaan kuasa asing terhadap tarif cukai, kewangan dan persaingan yang banyak memberi kelebihan kepada kuasa asing. Beliau juga mengutuk sikap Barat yang tidak bersungguh-sungguh membantu China dalam Perjanjian Versailles. Manaka pihak komunis mula memperkenalkan slogan *“Down with imperialisme”* dan *“Down with warlodism”*.¹³ Penyatuan KMT-PKC memberi peluang kepada PKC untuk meluaskan pengaruh komunis di China. Pengikut KMT terbahagi dua iaitu sayap kiri dan sayap kanan. Sayap kanan berpegang teguh dengan KMT yang diketuai oleh Chang Khai-sek manakala sayap kiri diketuai oleh Wang Jingwei lebih dipengaruhi oleh komunis. Kumpulan KMT sayap kiri ini menjadikan Bolshevik sebagai panduan dan bersifat lebih radikal. Sasaran utama mereka ialah untuk mendapatkan sokongan daripada golongan kesatuan sekerja. Golongan pekerja mudah dipengaruhi kerana mereka merasa tertindas disebabkan waktu bekerja yang panjang dan gaji yang sedikit. Pada 1922, gaji yang diterima adalah di antara 30 hingga 50 sen sehari. Masa bekerja adalah 12 jam sehari selama tujuh hari seminggu di kebanyakan kilang. Terdapat kilang yang mempunyai waktu kerja selama 14 jam sehari.¹⁴ Pekerjaannya terdiri dari kalangan kanak-kanak dan wanita. Hanya pada 1924, Shanghai Silk Reeling Guild mula mengharamkan penggunaan buruh kanak-kanak yang berusia 12 tahun ke bawah.¹⁵

Sepanjang 1922 sehingga 1927, PKC berjaya menguasai persatuan pekerja terutamanya di kawasan komersial dan industri seperti Hong Kong, Canton dan Shanghai.¹⁶

PKC menubuhkan *Chinese Labour Secretariat* untuk mempengaruhi golongan pekerja untuk mengadakan rusuhan. Usaha mendapatkan sokongan golongan pekerja dilakukan oleh Tan Ping-san, Li Li-shan dan Hsiang Chuang-fah. PKC juga menghantar Teng Chung-hsia ke Hong Kong, Li Li-shan dan Hsiang Chiang-fah ke Shanghai, Hankow, Tientsin, Tongshan dan beberapa bandar lain untuk menyusun kesatuan sekerja dan menjalankan propaganda.¹⁷ Teng Chung-hsia memainkan peranan penting dalam mempengaruhi golongan pekerja dengan fahaman komunis. Beliau dilantik menjadi Pengerusi yang pertama *All-China Federation of Trade Unions* (Zhonghua Quanguo Zonggong Hui).¹⁸ ACFTU disertai oleh kesatuan pekerja seperti *Inland Waterways Seamen's Union*, *Hong Kong Brotherhood Federation of Landing Stage Worker*, *Hong Kong Steamship-Repairers Union*, *Hong Kong Federation of Chinese Construction Workers Unions*, *Hong Kong Chinese Cement Industry General Union* dan banyak lagi.¹⁹

Selain persatuan pekerja, rusuhan juga disertai oleh pelajar sekolah dan universiti seperti Mo Cangbai, Yuan Zhanyu dan Huang Jiangying daripada Queens College, Lai Qingfa dan Liang Xiaohoi. Mo Cangbai dan Yuan Zhanyu memainkan peranan penting dalam menyebarkan sentimen anti-asing di New Students Society cawangan Hong Kong. Medium yang digunakan adalah dengan menyebarkan risalah dan surat ke sekolah sekitar Hong Kong.²⁰ Pengaruh pelajar juga tersebar di bahagian utara China seperti Peking, Swatow dan Shantung. Golongan pelajar ini memainkan peranan penting dalam mempengaruhi masyarakat tempatan untuk mengadakan boikot dan mogok terhadap kuasa asing. Ringkasnya, perubahan besar berlaku dalam kalangan masyarakat tempatan kerana didorong oleh perasaan kecintaan kepada tanah air dan bencikan penjajah Britain. JM sebagai sebuah syarikat asing turut terkena tempiasnya.

Rusuhan, Mogok dan Boikot 1925 sehingga 1926

Tempoh 1925 sehingga 1926 merupakan kemuncak kepada semangat nasionalisme rakyat China. Parti Kuomintang dan Komunis berjaya mempengaruhi golongan pekerja untuk mengadakan mogok dan rusuhan kepada kuasa asing sebagai tanda protes terhadap kuasa asing yang dilihat sebagai punca utama kemerosotan China. British menjadi sasaran utama dalam insiden rusuhan dan mogok yang berlaku dalam tempoh tersebut. Syarikat British seperti JM menerima kesan secara langsung. Terdapat dua rusuhan dan mogok yang utama berlaku di Selatan China iaitu Insiden 30 Mei 1925 berlaku di Shanghai dan Insiden Shaji pada Jun 1925 hingga Oktober 1926 di Hong Kong dan Canton. Kedua-dua insiden ini tersebar hampir setiap wilayah China. Ianya mendapat sambutan hebat dalam kalangan masyarakat khususnya golongan pekerja dan pelajar.²¹ Pada Oktober 1926, KMT yang menerajui kerajaan baharu di Canton mengumumkan penamatan boikot dan keadaan di Selatan China kembali tenang. Namun di kawasan lain seperti Hankow, Wuhan dan Nanking rusuhan masih berlaku digerakkan oleh golongan pekerja dan pelajar. Ini menyebabkan kawasan tersebut menjadi tegang. Sentimen anti asing yang menebal ditambah dengan pengaruh komunis serta KMT menyebabkan rusuhan berlaku secara berpanjangan bermula pada Disember 1926 sehingga April 1927. Tidak hanya mengadakan rusuhan dan mogok, golongan pekerja dan KMT turut menuntut supaya konsesi asing dipulangkan semula kepada China. Ini sudah tentu memberi tekanan dan kerisauan kepada syarikat British yang mempunyai kepentingan ekonomi di China.

Insiden 30 Mei berpunca daripada tindakan radikal kesatuan pekerja dan pelajar yang mengadakan mogok dan rusuhan di Shanghai. Rusuhan dan mogok bermula pada Februari

1925 di kilang Naigen Men milik orang Jepun. Rusuhan tersebut berpunca daripada golongan pekerja yang tidak berpuas hati dengan kadar gaji, masa bekerja dan layanan buruk di kilang milik orang Jepun. Mereka memusnahkan mesin yang bernilai ribuan dolar. Malah, mereka juga menyerang pengawal keselamatan dengan menggunakan besi dan serpihan alatan mesin yang dimusnahkan. Sebagai tindak balas, pengawal keselamatan menembak ke arah perusuh dan menyebabkan seorang perusuh iaitu Ku Cheng-hung meninggal dunia akibat terkena tembakan. Insiden kematian Ku Cheng-hung digunakan oleh kesatuan pekerja dan pelajar untuk mempengaruhi rakyat China bangkit menentang kuasa asing. Ceramah dan risalah yang mengandungi sentimen anti-asing diedarkan kepada orang ramai. Golongan pelajar diketuai oleh pelajar universiti merancang mengadakan demonstrasi semasa upacara pengebumian Ku Cheng-hung pada 30 Mei 1925. Semasa rusuhan berlaku golongan pelajar membawa sepanduk dan melaungkan slogan “*Abolish Extra-Territorial Rights*,” “*Cancel All unequal Treaties*”. Bagi memastikan mesej mereka sampai kepada kuasa asing, rusuhan diadakan di kawasan penempatan yang dikhususkan kepada masyarakat antarabangsa.²²

Bagi menamatkan demonstrasi tersebut, *Shanghai Municipal Police* menahan 15 orang ketua wakil pelajar yang terlibat.²³ Keadaan ini menyebabkan golongan pelajar membantah tindakan tersebut dan menyebabkan lebih ramai pelajar, golongan pekerja dan orang ramai yang menyertai demonstrasi tersebut. Semasa pendemonstrasi berada di hadapan balai polis Louza (Shanghai), polis melepaskan tembakan bagi menghalang pendemonstrasi memasuki balai polis dan mengarahkan untuk berhenti melakukan provokasi. Inspektor Edward Everson yang merupakan orang British memberi amaran akan menembak sesiapa yang enggan untuk berhenti. Tindakan tersebut menimbulkan kemarahan dan kebencian orang China dalam kalangan rakyat China terhadap British. Keadaan semakin tegang dan demonstrasi bertukar menjadi rusuhan dan menyebabkan 12 orang mati dan 17 orang.²⁴

Insiden 30 Mei 1925 tidak berhenti di situ sahaja. Golongan pelajar dan pekerja semakin giat berkempen dan mempengaruhi semua masyarakat untuk melakukan serangan boikot terhadap British. Golongan pelajar menghantar risalah kepada semua peniaga untuk tidak menjual barangan orang asing dan tidak memberikan perkhidmatan kepada orang bukan China. Insiden memberi kesan yang sangat besar dan mendapat liputan di seluruh bahagian di China. Di Chinkiang misalnya, pelabuhan yang berhampiran dengan Shanghai, risalah yang mengandungi isi kandungan yang bersifat anti-asing mula tersebar pada 2 Jun 1925. Pengedaran risalah ini selari dengan perancangan golongan pelajar yang merancang untuk demonstrasi pada 5 Jun 1925.²⁵

Konsul Britain di Shanghai iaitu E.G. Jamieson memberi amaran kepada syarikat dan orang British yang berada di Chinkiang berjaga-jaga terhadap rusuhan tersebut. Walaupun para pelajar tidak merusuh di konsesi Chinkiang tetapi mereka melancarkan rusuhan tersebut di bangunan perbandaran dan membakar beberapa rumah milik orang British.²⁶ Ini menimbulkan ancaman kepada orang British yang berada di lokasi berhampiran. Keadaan yang huru-hara yang timbul ekoran rusuhan ini menyebabkan orang asing berpindah ke kawasan lain.²⁷ Manakala di Kukiang (Yunnan) perusuh merampas harta benda di konsesi asing terutamanya di pejabat konsulat dan membakar bank yang dimiliki oleh orang Jepun. Rusuhan di Kukiang menyebabkan hubungan komunikasi antara Kukiang dan Pusat peranginan Kuling terputus. Pusat Peranginan Kuling didiami oleh 600 orang wanita dan kanak-kanak asing.²⁸ Ekoran itu, rusuhan yang timbul ekoran nasionalisme dalam kalangan pelajar dan pekerja di China ini memberi kesan kepada keharmonian dan kelangsungan hidup golongan asing di negara berkenaan.

Sentimen kebencian kepada British semakin meningkat selepas kejadian rusuhan di Shanghai. Ia didorong oleh tindakan British menembak mati perusuh yang sedang mengadakan rusuhan. Lantaran itu, kemarahan semakin membara dan kebencian semakin menebal dalam kalangan orang China terhadap British. Yang Ximin dan Liu Zhenhuan merupakan militari yang berpengaruh sebagai contohnya, mendesak KMT untuk mengorganisasikan mogok di Pulau Shameen (Shamian) yang merupakan konsesi British dan Perancis. Rusuhan Shameen berlaku pada 20 Jun 1925. Pekerja meninggalkan majikan yang kebanyakannya terdiri daripada syarikat asing dan pergi ke Canton. Pada masa yang sama CCP merancang untuk melakukan rusuhan yang lebih besar di Hong Kong. Dalam masa 15 hari, mogok disertai lebih 250,000 orang. Mereka meninggalkan keluarga dan menyertai pekerja tempatan, askar, kadet Whampoa Academy dan petani menyertai rusuhan di Pulau Shameen.²⁹

Semasa perusuh mendekati jambatan di Jalan Shaji, berlaku pertembungan antara perusuh dan pengawal British dan Perancis. Berdasarkan laporan Jamieson, perusuh bertindak ganas menyebabkan 100 das tembakan dilepaskan sehingga menyebabkan ramai yang terkorban dan tercedera. Kesannya, lebih daripada 100 orang Cina terkorban, manakala, lapan orang Eropah dan seorang Jepun juga dilaporkan menemui ajal.³⁰ Seterusnya, insiden Shaji (Shakee) memberi kesan kepada golongan pekerja di Hong Kong dan Canton. Membawa kepada rusuhan yang lebih besar dan radikal.

on examining the world today, we find workers everywhere who are the real force of the Revolution, for every worker is opposed to military force. Even though our revolution may not be victorious at the moment, this is only a temporary phenomenon. It is only right that our revolution should succeed. Like the venomous snake which is endowed with a beautiful lady's feet to tempt the weak and secure their obedience, the imperialists are employing clever and tricky tactics in China to cause our countrymen to kill one another for their profit.³¹

Selepas berlakunya mogok dan rusuhan di Shanghai dan Pulau Shamin, kesatuan pekerja terus melakukan mogok dan boikot di Hong Kong dan Canton. Kemarahan ekoran rakan perusuh mereka ditembak mati merupakan pendorong utama yang menyebabkan para peserta rusuhan ini meneruskan tindakan mereka. Selain rusuhan, mogok dan boikot juga dilancarkan. Dari sudut tempohnya mogok pekerja di Hong Kong dan Canton berlaku lebih lama (Julai 1925 sehingga Oktober 1926) berbanding mogok di Shanghai. Mogok di Hong Kong berjalan dalam tempoh yang panjang kerana ia mempunyai organisasi yang teratur. PKC dan persatuan pekerja telah membentuk jawatankuasa khas iaitu *Canton-Hong Kong Strike Comittee* (CHKSC) pada 3 Julai 1925.³² Jelasnya, pembentukan jawatankuasa menjadikan mogok dan boikot yang dirangka lebih tersusun dan berorganisasi.

Majoriti ahli jawatankuasa CHKSC terdiri daripada ahli komunis. Antaranya seperti Zhao Zheng (1919-2005) yang dilantik sebagai ketua CHKSC. Beliau berpengalaman merancang mogok dalam kalangan kelasi di Hong Kong pada 1922. Selain itu, Liao Zhongkai (1877-1925) yang merupakan orang penting dalam KMT sayap kiri. Deng Zhongxia (1894-1933) dilantik sebagai penasihat CHKSC. Beliau juga merupakan setiausaha All-China General Labour Union dan ahli CCP. Setiap jawatankuasa mempunyai tugas dan peranan masing-masing. Mogok dan boikot juga tidak terhad hanya di kawasan pelabuhan dan kilang tetapi meluas di seluruh bahagian termasuk sekolah dan hospital. Deng Zhongxia menegaskan *"The Canton-Hong Kong strike is not an economic struggle for wageincrease, reduction of*

working hours or improvement of working conditions. It is a political struggle for national survival and dignity,”³³

CHKSC melancarkan dua ribu orang yang dibahagikan kepada 12 skuad daripada 540 regimen yang mendapat latihan ketenteraan daripada Whampoa Akedemi. CHKSC mendapat bantuan kewangan daripada CCP dan KMT. Komiten menghantar 6,000 *roubles* setiap bulan kepada CHKSC dan 50,000 *roubles* daripada *Central Soviet Trade Union*. Manakala KMT memberi Ch\$250,000, Ch\$1.13 juta daripada orang Cina seberang laut, Ch\$20,000 daripada peniaga tempatan dan lain sumber Ch\$400,000. Secara keseluruhannya, bantuan kewangan yang diterima lebih kurang sebanyak Ch\$5 juta.³⁴ Jelasnya, CHKSC mempunyai organisasi yang tersusun dan berupaya menggerakkan ahlinya dengan baik kerana mempunyai sokongan kewangan yang besar.

Di Canton, mereka menyekat laluan air, memeriksa barang yang masuk dan keluar dan mempunyai kuasa terhadap penyeludupan barang. Pada akhir 1925, tentera berjaya menguasai sepanjang sungai Yantze sehingga Swatow. Manakala di Swatow mereka menguasai sepeunuhnya dermaga, pelantar sehingga menyebabkan kesemua kapal asing dikenakan bayaran sekiranya menggunakan pelabuhan.³⁵ Kapal kargo milik British dan Jepun menjadi sasaran. Keadaan ini sudah tentu memberi kesan negatif kepada aktiviti perkapalan Ogos 1925, permit khas dikeluarkan bagi membezakan kapal British dan bukan British. Malah, syarikat British semakin sukar mendapatkan bantuan daripada kerajaan tempatan. Ini kerana sebelum permit dikeluarkan, kapal British mendapatkan bantuan daripada syarikat tempatan dengan menggunakan kapal kargo milik mereka. Malah, syarikat British juga mendapatkan bantuan daripada syarikat Perancis dengan membawa sutera bernilai \$5,000,000 dari Canton ke Shanghai.³⁶

Semua kapal yang masuk ke Hong Kong dan Canton perlu melalui pemeriksaan dan tidak membenarkan makan dan bahan mentah dieksport keluar. Agen JM menggunakan khidmat kapal syarikat tempatan iaitu Ching Kee & Co. untuk membawa kargo daripada Canton ke Swatow. Namun, kerajaan Canton melaporkan tindakan itu berbahaya.³⁷ J. C. Taylor menyuarakan kebimbangan sekatan di Canton akan memberi kesan kepada keuntungan syarikat Indo-China Chinese Navigation.³⁸ Tekanan yang dihadapi oleh JM dan syarikat British yang lain menyebabkan kumpulan peniaga British mendesak kerajaan Britain untuk campurtangan. Selepas beberapa kali perbincangan di antara wakil Pejabat Luar dan KMT akhirnya pada Oktober 1926 penamatan boikot di Canton dan Hong Kong. Walau bagaimanapun, penamatan boikot tersebut tidak memberi jaminan tiada kekacauan yang akan berlaku. Sentimen anti-imperialisme dan semangat nasionalisme orang China masih kuat. Ekspedisi ke Utara (1926-1928) yang dilancarkan oleh KMT yang cuba menawan wilayah yang di bawah penguasaan panglima perang dan PKC menimbulkan kekacauan dan suasana tegang.³⁹ Di Hankow⁴⁰ misalnya, kumpulan pekerja kembali aktif melakukan rusuhan dan boikot pada awal Januari 1927 dan berlanjutan sehingga tercetusnya insiden yang lebih teruk pada April 1927 yang dikenali sebagai Insiden Hankow. Kumpulan pekerja ini bukan sahaja merosakkan harta benda dan melakukan kekacauan malah mereka juga menuntut kenaikan gaji daripada majikan yang kebanyakannya terdiri daripada syarikat asing.⁴¹ Walaupun, JM tidak mempunyai kilang yang besar seperti di Shanghai tetapi JM mempunyai gudang penyimpanan bahan mentah seperti teh dan ulat sutera. Selain itu, JM juga menyediakan perkhidmatan perkapalan di bawah anak syarikat ICSN yang berperanan penting dalam sistem perhubungan antara pelabuhan di sepanjang sungai Yantze ke pelabuhan Selatan.⁴² Jelasnya, semangat nasionalisme rakyat China yang diterapkan dengan sentimen anti-asing membawa kepada keadaan yang tegang sehingga menimbulkan kematian dan kerosakkan

harta benda. Malah, JM terpaksa menanggung kerugian yang besar.

Reaksi JM

Kekacauan yang berlaku menyebabkan JM. terpaksa menanggung kerugian yang besar. Sektor perkapalan, perdagangan dan perkilangan terjejas teruk terutamanya di bahagian Selatan China seperti Canton, Hong Kong dan Shanghai. Malah, di kawasan Utara dan Tengah seperti Swatow, Foochow, Chungking, Chingkiang, Newchang, Tientsin, Tsingtao dan Amoy turut mengalami kesan walaupun tidak sehebat di bahagian Selatan. Keadaan yang berlaku sudah tentu menimbulkan kebimbangan kepada JM. Pengurus JM yang dilantik seperti D.G. Bernard (Hong Kong), A. Brooke Smith (Shanghai), William Holloway (Canton), J.F. Owein (Hankow), A. E. Sheperd (Chungking) E.C.Peter (Tientsin), James Helbling (Foochow) memainkan peranan penting dalam menyampaikan keadaan yang berlaku kepada ahli lembaga, pemegang saham dan pelabur yang berada di London dan New York. Manakala David Landale⁴³ selaku ahli Pengarah JM di London menjadi orang tengah dan bertanggungjawab bertemu dan berbincang dengan pihak kerajaan Britain. Antara usaha yang dilakukan oleh JM ialah mendesak pihak kerajaan Britain menyelesaikan masalah yang berlaku dan melindungi syarikat British di China, menyokong *China Association* menubuhkan *China Comittee* dan mengadakan rundingan dengan kerajaan tempatan.⁴⁴

Mendesak Pejabat Luar dan Kerajaan Britain campurtangan

JM memandang serius terhadap gerakan anti-British dan boikot apabila kilang kain JM di Shanghai diserang oleh kumpulan perusuh semasa berlakunya insiden 30 Mei 1925. Kilang *Ewo Mill* terpaksa menghentikan operasi ekoran kerosakan mesin dan harta benda akibat serangan kumpulan perusuh. Pengurus JM cawangan Hong Kong dan Shanghai iaitu D.G. Bernard dan A. Brooke Smith memaklumkan dengan kadar segera keadaan di Shanghai kepada Pengarah urusan JM di London iaitu David Landale. Mereka bimbang rusuhan dan boikot tersebut menyebabkan lebih banyak kemusnahan harta benda sekiranya pihak kerajaan Britain tidak mengambil langkah segera menangani masalah tersebut.⁴⁵ Pada peringkat awal, David Landale menganggap kejadian rusuhan tersebut sebagai kekacauan yang biasa dilakukan oleh golongan pekerja yang menuntut kenaikan gaji. Namun, mogok dan boikot yang berlaku sebenarnya adalah lebih teruk dan berpanjangan sehingga hampir keseluruhan aktiviti ekonomi di Hong Kong, Shanghai dan Canton lumpuh. Malah, rusuhan dan mogok merebak dengan cepat ke kawasan lain. Keadaan semakin tidak terkawal dan tiada apa-apa tindakan daripada China menyebabkan Bernard dan Smith menghantar telegram mendesak David Landale untuk berbincang dengan Pejabat Luar Britain di London bagi menyelesaikan masalah yang berlaku.

*under the circumstances do not think we can get any satisfaction from Chinese government but David Landale should place his view before Foreign Office accuntuating necensity Chinese Government should issue proclamation immedieatly cancelly boycott British and goods.*⁴⁶

Asakan daripada Bernard dan Smith menyebabkan David Landale mengambil langkah untuk berbincang dengan Pejabat Luar. Namun, perbincangan tersebut tidak mendatangkan hasil pada peringkat awal. Ini berdasarkan telegram yang dihantar oleh David Landale kepada

A. Brooke Smith pada Julai 1925.

*Foreign Office was that not much assistance is to be expected from them in dealing with either strike or boycott and that you must rely upon such measures as you can take locally to improve matters.*⁴⁷

Berdasarkan maklum balas daripada David Landale jelas menunjukkan bahawa Pejabat Luar tidak melakukan apa-apa tindakan dalam menangani insiden yang berlaku. Malah, JM dilihat seperti terlalu mendesak Pejabat Luar XX. Kegagalan pertemuan tersebut tidak membuatkan JM berputus asa. Pengurus JM di Hong Kong, Shanghai dan Canton bertalu-talu menghantar telegram dan berterusan mendesak David Landale untuk mengambil tindakan berbincang dengan pejabat luar. Desakan yang diterima menyebabkan David Landale bersama dengan Mr. Cunliffe Owen⁴⁸, Sir Robert Whaley-Cohen, Sir Newton Stabb⁴⁹, Warren Swire⁵⁰ bertemu dengan Chamberlain⁵¹ pada 24 Julai 1925. Pertemuan tersebut juga tidak berhasil dan tidak mencapai kata putus apabila Chamberlain gagal memberi cadangan bagi menghentikan kekacauan yang berlaku. Chamberlain berpendapat “*Great Britain should not act alone, and to get the Powers to act in concert is not a rapid process.*”⁵² Sekiranya, Britain mengalami langkah secara bersendirian tanpa sokongan daripada kuasa asing yang lain akan mengeruhkan lagi keadaan.⁵³ Di dalam mesyuarat tersebut, tiada sebarang cadangan yang dikemukakan oleh Chamberlain. Jelasnya, beliau dilihat gagal untuk memberi cadangan atau solusi bagi menghentikan kekacauan dan boikot yang berlaku.

Kebimbangan yang disuarakan oleh JM turut disokong oleh syarikat British yang lain. Antara syarikat British yang menjadi insiden rusuhan seperti *Asiatic Petroleum Company*, *British American Tobacco Company*, *Dodwell & Company* dan *John Swire & Son*. Ini jelas berdasarkan surat yang dihantar kepada His Majesty’s Principal Secretary of State:

We beg that you will consider very seriously the possibility of making an immediate statement expressing sympathy and regret for the loss of life that has occurred, and announcing either H.M. minister is returning post-haste to China immediately with a view to investigating and remedying any grievances which may now exist between the two Peoples.

*We assure you, Sir, that in our opinion the time is one of grave crisis not merely for British interest in China but for great industrial interests in this country. Dangerous forces have been loosed and it is impossible to judge whether they are loading.*⁵⁴

*I can fully sympathise with the impatience you must feel in Hong Kong at the apparent inaction of the Home Government. Surrounded as you are by the daily environment of stagnant business must be very depressing, but the reason the views set forth in Hong Kong’s telegram of the 14th of August could not be supported here was that the British Government is committed by the Washington Treaty to a policy of dealing with the China Question in conjunction with the other Powers.*⁵⁵

Menurut Chamberlain lagi:

For H . M. G . now to take a step designed to mark a break-away & to differentiate in the eyes of the Chinese between the attitude of Great Britain & other countries would be to reverse the British policy of many years, to restart the international rivalries which have been so largely responsible in the past for the ill success of international efforts at Chinese regeneration & might not improbably concentrate on the British communities & on British interests not only, as at this moment is the case the hostility of the active revolutionary forces in China but the jealousy & suspicion of all the other interested Powers.⁵⁶

Tindakan Pejabat Luar dan Chamberlain tidak dipersetujui oleh Landale dan rakan peniaga lain dalam *China Association*. *China Association* menegaskan kerajaan Britain perlu mengambil langkah secara bersendirian tanpa menunggu daripada kerjasama dengan kuasa asing lain. Firma asing seperti Amerika, Perancis, Jerman dan Jepun mendapat keuntungan daripada tindakan boikot ke atas syarikat British. Malah, *China Association* sanggup membuat rundingan dengan China asalkan kerajaan memberi jaminan keselamatan.⁵⁷ *China Committee* terdiri daripada David Landale dan Warren Swire mewakili *China Association*, Colonel Armstrong dan Sir H. Cunliffe-Owen mewakili *Federation of British Industries*, F. Anderson dan Stanley Dodwell mewakili *London Chamber of Commerce*, Leefe dan Sir George Macdonogh, *ex-official members of the China Advisory Committee* dan Robert Waley Cohen, ketua *Asiatic Petroleum Company* dan Lord Southborough sebagai ketua.⁵⁸

Selain itu, tindakan Chamberlain melantik Robert Waley Cohen mewakili kuasa asing berunding dengan China menimbulkan rasa tidak puas hati Landale. Malah, rakan peniaga yang lain dalam *China Association* dan *Manchester Chamber of Commerce* turut bersependapat dengan Landale. Menurut beliau, wakil yang dihantar untuk berbincang perlu mempunyai pengalaman luas mengenai China. Landale bertemu dengan Waterlow untuk mendapatkan penjelasan.⁵⁹ Manakala *China Association* menghantar telegram kepada Waterlow yang menyatakan komiti British di Shanghai tidak yakin dengan pemilihan tersebut.⁶⁰ Kebimbangan JM semakin ketara apabila Pejabat Luar menyatakan kerajaan pusat Republik China tidak berupaya untuk menghentikan kekacauan yang berlaku.⁶¹ JM mendesak Pejabat Luar menghantar wakil khas ke China untuk menghentikan kadar segera kempen boikot, menuntut ganti rugi berkaitan dengan insiden yang berlaku di Shanghai.⁶² *China Association* berpendapat bahawa:

We are not convinced that the boycott could be stopped by wise and courageous action. We believe it could be stopped. And we believe there is (the) only way of doing it-by the announcement that the British Representative at the forthcoming conference to the Chinese that it is our intention to make justice, frankness and equal dealing.⁶³

Menurut Landale, Pejabat Luar lebih memfokuskan masalah peperangan di Mesir, ancaman dan rusuhan pekerja lombong di Afrika.⁶⁴ Jelasnya, desakan dan permohonan supaya kerajaan Britain memberikan perhatian dan menyelesaikan masalah yang berlaku di China gagal. Ekoran itu, JM terpaksa berhadapan dengan kerugian dan kemudiannya tunduk kepada tuntutan dan kehendak yang dikemukakan oleh kesatuan sekerja di China.

Mengadakan rundingan dengan Kerajaan Tempatan.

Setelah usaha JM mendesak kerajaan menemui jalan kegagalan sepertimana yang dinyatakan JM menukar strateginya. Ia dilakukan melalui usaha untuk mewujudkan hubungan yang baik dengan pihak China. Di Amoy dan Foochow misalnya, agen JM. berkerjasama dengan British konsul iaitu Meyerick Hewlett berbincang dengan wakil China iaitu Admiral Lin Yutang. JM. Hewlett memohon supaya Admiral Lin mengawal dan berbincang dengan ketua gerakan pelajar yang mengetuai rusuhan. Pendekatan tersebut berkesan apabila Lin menyatakan persetujuan dengan memberikan syarat supaya British tidak menggunakan kekerasan atau tidak meletakkan kapal perang asing di pelabuhan Foochow. Tindakan pelajar membakar rokok *American Tobacco Company* menimbulkan kebimbangan kepada JM. British meminta Hewlett melindungi keselamatan mereka. Sebagai syarat, golongan pelajar meminta bayaran yang tinggi sebagai jaminan mereka tidak kekacauan di Foochow. Hewlett menggunakan pendekatan yang lebih liberal berbanding dengan konsul British lain. Perbincangan pihak British, admiral Lin dan Lim Tong-hoch, ketua gerakan rusuhan, JM bersetuju dengan syarat membayar \$10,000. JM tetap berjaga-jaga walaupun keadaan di Foochow terkawal.

Selain daripada itu, agen JM. mengadakan pertemuan dengan Mr. Kwok, Penolong Pengarah *Native Chamber of Commerce* dan Mr. Chen yang merupakan ketua *Rivermans Guild*. Mereka bersimpati dengan situasi yang berlaku dan berjanji untuk membantu JM daripada mogok. JM perlu menanggung bebanan kewangan yang lebih kerana golongan pelajar meminta wang jaminan sebanyak \$2000 sebagai balasan kepada persetujuan mereka untuk tidak melakukan sekatan ke atas kapal JM.⁶⁵ JM terpaksa membayar bagi membolehkan kapal milik JM beroperasi. Mr. White membayar wang yang diminta dengan syarat tiada sekatan kepada kapal yang keluar masuk di pelabuhan.⁶⁶ Ringkasnya, JM perlu membayar pelbagai tuntutan wang daripada golongan nasionalis dari kalangan pelajar dan pekerja demi untuk meneruskan kegiatan ekonomi mereka.

Ekoran itu, ia memberikan kesan yang besar kepada JM dan menyebabkan mereka lebih berhati-hati dalam tahun-tahun yang berikutnya. Ini dapat dilihat melalui tindakan mereka yang lebih berdiplomasi dalam hubungan mereka dengan kerajaan China. Selepas perisytiharaan boikot tamat oleh Kerajaan Nasionalis, William Galloway bersama Marshall wakil Butterfield & Swire Co. mengadakan pertemuan dengan T. V. Soong, Menteri Kewangan pada 16 Oktober 1926. Pertemuan tersebut dianggap memberi impak positif kepada perkembangan JM selepas rusuhan, boikot dan mogok. Ini kerana T.V. Soong menegaskan, Kerajaan Nasionalis akan memberi kerjasama sekiranya syarikat British membantu kerajaan.⁶⁷ Berdasarkan kepada pernyataan tersebut, JM mempunyai harapan untuk meneruskan operasinya di China kerana sikap berbaik-baik dengan kerajaan China bukanlah sesuatu yang asing.

Membantah perubahan kadar cukai

Seterusnya adalah reaksi JM terhadap kenaikan tarif cukai. Tindakan kerajaan Nasionalis yang menguasai Canton pada 1926 menaikkan kadar cukai menimbulkan perasaan tidak puas hati dalam kalangan pihak pengurusan JM di Canton, Hong Kong dan juga Shanghai. Ini kerana, JM tidak menganggap kerajaan Nasionalis sebagai kerajaan yang sah kepada China. Bagi pendapat Bernard yang merupakan Pengurus JM di Hong Kong menyatakan bahawa kadar cukai yang baharu perlu disahkan oleh kerajaan pusat yang terletak di Peking. Malah semasa persidangan Versailles 1919 dan *Washington Conference* pada 1922 wakil yang

dihantar adalah daripada kerajaan pusat bukan daripada KMT. Namun, Landale mengingatkan bahawa sekiranya JM di Canton enggan membayar kadar cukai baharu. Perubahan kadar cukai tersebut dilihat mendatangkan kesan kepada JM. JM perlu mengambil iktibar dengan tindakan orang China yang membuat rusuhan dan boikot mampu melumpuhkan aktiviti ekonomi JM.⁶⁸

Selain itu, tindakan kerajaan Britain yang bersetuju untuk mengadakan *Tariff Conference* pada 1926 untuk membincangkan berkaitan dengan kadar cukai baharu bagi China. Persidangan tersebut sepatutnya diadakan lebih awal sejurus tamatnya Washington Conference pada 1922.⁶⁹ Tetapi disebabkan Britain memerlukan masa untuk mengkaji perubahan tarif dan di pihak China sendiri juga bermasalah dengan keadaan politik yang tidak stabil menyebabkan kelewatan untuk mengadakan persidangan tersebut. Sir Ronald Macleay sebagai ketua delegasi, dan wakil Pejabat Luar iaitu Mr. Newton, K.D Stewart dan Sidney Peel untuk menghadiri persidangan berhubung kadar tarif yang ditetapkan oleh kerajaan China.⁷⁰ Selain daripada empat individu tersebut, Brooke Smith turut memainkan peranan dalam persidangan berkaitan tarif ini. Beliau dijemput oleh *Shanghai Chamber of Commerce* penasihat wakil daripada delegasi British. Pemilihan Brooke ini diharapkan oleh kumpulan peniaga British di China dapat membantu memberi pendapat yang bijak dan kadar yang baharu tidak menekan kepada syarikat asing. Perubahan tarif diberikan perhatian khusus kerana kadar cukai yang ditetapkan akan memberi kesan kepada keseluruhan pedagang British yang menjalankan perniagaan di China. Sebagai contohnya kadar cukai gula akan memberi kesan kepada kilang penapis gula manakala cukai pantai memberi kesan kepada sektor perkapalan⁷¹ Walaupun pelaksanaan kadar cukai yang baharu hanya dilaksanakan sepenuhnya bermula pada tahun 1929 selepas KMT mengambil alih dan menguasai keseluruhan China.

JM berwaspada dengan pengisytiharaan penamatan boikot

Pada Ogos 1926 desas desus mengenai penamatan rusuhan dan boikot oleh golongan pekerja dan pelajar. Keadaan di Hong Kong, Shanghai, Canton, Amoy dan banyak kawasan lain mula kembali tenang seperti sedia kala. Walau bagaimanapun, JM masih berada dalam keadaan berjaga-jaga dan menunggu pengumuman rasmi pada pihak China. Ini jelas daripada surat menyurat antara William Galloway (Pengurus JM di Canton) dan Bernan:

William Galloway:

Now states unable to make Proclamation or official Public Announcement owing to disagreement regarding wording stop instead some un-official statement will be made, and monstrous processions will take place noon 10th October immediately after which he states Boycott will terminate.

Bernan membalas:

Referring to your telegram of 4th our views are our (my) Government might reasonably or no Proclamation they cannot consider Boycott raised until trade (is) reasonably established as there are ample evidence Merchants desirous re-opening business stop convey our (my) views to Consul General.⁷²

Petikan di atas memperlihatkan bahawa pihak JM berhati-hati untuk menerima berita bahawa boikot telah ditamatkan tanpa pengisytiharan rasmi daripada kerajaan. Ini kerana

mereka berpendapat adalah sukar bagi menyakinkan pedagang untuk mengurus niaga dengan JM Beliau berpendapat walaupun keadaan semakin terkawal dan tenang tetapi beliau bimbang terhadap kekacauan dan boikot akan berlaku semula.

*referring to your telegram of the 5th Consul General thoroughly agrees with your views he is doing all he can get Proclamation issued and secure re-opening trade but states he cannot guarantee immediate resumption trade will follow Proclamation should such be issued stop. Must wait until 10th October when he expects to be better able to see what can be done to stop your information Consul General is not sanguine as Kuomintang determined to continue Boycott with renewed vigour and Chen has already antagonised them by his recent action towards settlement it which case we should have to deal with extremists.*⁷³

Petikan di atas memperlihatkan trauma yang dihadapi oleh pihak pentadbiran British di China selepas berhadapan dengan kebangkitan nasionalisme yang menyebabkan berlakunya rusuhan, mogok dan boikot. Sehubungan itu, pihak British meneruskan kawalan mereka di kawasan perairan bahagian Barat China. Penamatan boikot ini memberi kesan yang positif kepada perniagaan perkapalan yang dijalankan oleh JM. Ini dilihat kepada pertambahan jumlah penumpang yang menggunakan khidmat ICSNC yang meningkat daripada 700 kepada 800 orang. Peningkatan jumlah ini tidaklah terlalu besar, tetapi ia memberikan gambaran bahawa kebencian dan sikap prejudis kepada JM mula terhakis. Selain itu, penamatan boikot yang dibuat secara tidak asmi juga telah memberikan kesan positif kepada sektor perdagangan, perkapalan dan pelabuhan yang paling terjejas sepanjang 1925-1926.⁷⁴

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, insiden rusuhan dan mogok yang berlaku di China sepanjang tempoh 1925 sehingga 1926 memberi kesan dan reaksi kepada JM. JM dilihat berusaha bersungguh-sungguh untuk mendesak Pejabat Luar Britain untuk masuk campur bagi menangani masalah tersebut. Walau bagaimanapun, bersama dengan syarikat British yang lain dilihat gagal memaksa Britain untuk masuk campur dalam menangani masalah yang dihadapi oleh JM dan syarikat British yang lain. Keadaan ini menyebabkan JM mengambil tindakan secara bersendirian tanpa menunggu maklum balas daripada Pejabat Luar British. JM perlu bertindak segera demi menjaga kepentingan ekonominya. Ini jelas seperti yang berlaku JM di Amoy dan Foochow seperti yang dibincangkan sebelum ini. Walau bagaimanapun, tindakan JM mendesak kerajaan Britain masuk campur tangan menemui kegagalan tetapi situasi yang berlaku menjadikan Britain berhati-hati dengan pihak China. Malah, terdapat beberapa kajian lepas seperti kajian Edmund dan Maggieson menunjukkan Britain mula mengkaji semula dasar luar terhadap China selepas insiden rusuhan, mogok dan boikot yang berlaku pada tahun 1925 sehingga 1926.

Nota

¹ JM/I21/9/36/1: Annual Report Ewo Cotton Mills Ltd.

² Geoffrey Jones., *Merchants to Multinationals: British Trading Companies in the Nineteenth and Twentieth Centuries*, Oxford: Oxford University Press, 2002, hlm. 306.

³ Perkembangan dan pengukuhan ekonomi syarikat British seperti JM pada abad ke-19 banyak dipengaruhi dan dibantu oleh Kerajaan Britain. Contohnya semasa JM mendapat sekatan dalam perdagangan Candu pada 1830-an, Kerajaan Britain membantu pedagang untuk mendesak China mengubah dasar terhadap perdagangan. Keenganan China menyebabkan Kerajaan Britain menghantar tentera dan kapal perang ke China sehingga tercetusnya Perang Candu I dan diikuti dengan Perang Candu II. Kemenangan Britain dalam perang ini menyebabkan China terpaksa mengubah dasar tutup pintu kepada dasar buka pintu. Selain itu, lebih banyak pelabuhan di buka kepada pedagang asing. Malah, China juga terpaksa akur dengan beberapa permintaan Britain seperti penamatan sistem cohong, hak istimewa, pembukaan konsesi, pengasingan perundangan dan bayaran ganti rugi. Kesemua ini membolehkan pedagang seperti JM mengukuhkan kedudukan dan berkembang di China. Lihat; Greenberg, Micheal, *British Trade and Opening China 1800-1842*, Cambridge University Press, 1969, hlm. 41-46. Paul A. Van Dyke, *Canton Trade: Life and Enterprise on the China East 1700-1845*, Hong Kong. Fairbank, J.K, *Trade and Diplomacy on the China Coast: The Opening of the Treaty Ports 1842-1845*, Harvard University Press, 1969, hlm. 39-45.

⁴ Mitter, R., *A Bitter Revolution: China's Struggle with the Modern World*, Oxford University Press, 2004, 12.

⁵ H. Owen Chapman, *The Chinese Revolution 1926-27*, London: Constable and Company, 1928, hlm. 11.

⁶ Joseph T. Chen, *The May Fourth Movement in Shanghai: The Making of a Social Movement in Modern China*, Leiden: Brill, hlm. 124-127.

⁷ Mitter, R., *A Bitter Revolution: China's Struggle with the Modern World*, 12-13.

⁸ Antara akhbar yang banyak membincangkan ideologi tersebut seperti *Awkening*, *Weekly Review* dan *Contruction* di Shanghai, *Young China*, *Liberation and Reform*, *New Society* dan *Student Weekly* of Beijing University di Peking, *Xiangjiang Review* di Changsha, *Awareness* di Tientsin dan *Zhejiang New Trends* di Hangzhou.

⁹ Immanuel Hsu, *The Rise of Modern China*, New York: Oxford University, 2000, hlm. 497.

¹⁰ Ching Fatt Yong, *The Kuomintang Movement in British Malaya, 1912-1949*, Singapore: Singapore University Press, 1990.

¹¹ Sepanjang abad ke-19 dan awal abad ke-20, China terlibat dengan Perjanjian dengan kuasa asing yang dilihat berat sebelah. Perjanjian berat sebelah ini menguntungkan pihak asing berbanding dengan China. Perjanjian Nanking 1842 di antara Britain dan China dilihat sebagai perjanjian berat sebelah yang paling awal dalam sejarah China. Britain mendesak China bersetuju dengan Perjanjian Nanking 1842 selepas China kalah dalam Perang Candu I (1839-1842). Perjanjian tersebut menyebabkan China kehilangan kedaulatan apabila China terpaksa mengubah dasar diplomasi dan membuka lebih banyak pelabuhan kepada pedagang asing. Selain itu, perjanjian tersebut menyentuh hak perundangan, kadar cukai yang ditentukan oleh asing dan sebagainya. Selepas Perjanjian Nanking, China juga terpaksa menandatangani perjanjian berat sebelah dengan kuasa asing yang lain seperti Jepun, Perancis, Rusia dan Amerika Syarikat. Lihat perbincangan lanjut dalam Wang Jianlin, *Unequal Treaties and China*. Volume I, Hong Kong” Silkroad Press, 2015, hlm. 2-5.

¹² Ibid., hlm. 33.

¹³ Edmund S.K Fung, “*The Diplomacy of Imperial Retreat: Britain's South China Policy, 1924-1931*”, hlm. 35-36.

¹⁴ China Yearbook, 1926-27, hlm. 899.

¹⁵ China Yearbook, 1924, hlm. 657.

¹⁶ Pada kongress keempat, ACFTU dihadiri oleh 420 delegasi mewakili 2.9 juta orang perkeja. Lee, Lao To, *Trade Unions in China 1949 to the Present*. Singapore University Press, 1986, hlm. 12.

¹⁷ Chung-Gi Kwe, *The Kuomintang-Communist Struggle in China 1922-1949*, Netherlands: Martinus Nijhoff,

1970, hlm.8-10. Lihat juga; Wilbur, C. Martin, *The Nationalist Revolution in China 1923-1928*, hlm. 69-73.

¹⁸ All-China Federation of Trade Union ditubuhkan di Canton pada Mei 1925 semasa Persidangan Kedua National Labour Congress. Persidangan tersebut dihadiri 277 delegasi mewakili 540,000 orang pekerja. Antara ahli CCP yang menjadi ahli jawatankuasa seperti Deng Zhongxia, Li Li-san, and Liu Shaoqi, Lin Weimin, Su Zhaozheng, He Yaoquan.

¹⁹ Robert James Harrocks, "The Guangzhou-Hong Kong Strike, 1925-1926: Hong Kong Workers in Anti-Imperialist Movement", Ph. D Thesis, The University of Leeds, 1994, hlm. 116.

²⁰ Ibid.

²¹ William James Megginson, "Britain's Response to Chinese Nationalism, 1925-1927: The Foreign Office Search for a New Policy," Ph. D Thesis, George Washington University, 1973. Lihat juga; Peter Gaffney Clark, Britain, and the Chinese Revolution, 1925-1927", Ph. D Thesis, University of California, 1973.

²² Ibid.

²³ China in Chaos, hlm. 32.

²⁴ CHAS/MCP/31: Statement of General Situation in China Relative to Conditions arising from the riots of May 30, 1925, in the International Settlement of Shanghai, China.

²⁵ Ibid.

²⁶ FO/3683, 3689/194/10.

²⁷ Ibid. JM MS J1/2/19- Telegram R.H. Davidson, 10 July 1925.

²⁸ China in Chaos, hlm. 35.

²⁹ William James Megginson, "Britain's Response to Chinese Nationalism, 1925-1927: The Foreign Office Search for a New Policy," Ph. D Thesis, George Washington University, 1973, hlm. 140.

³⁰ FO/371/11631: Information relayed by Plaiter dispatch, 5 July 1925.

³¹ Wilbur and How, *Documents on Communism, Nationalism and Soviet Adviser in China 1918-1927*, hlm. 178.

³² Perry, J. Elizabeth, Shanghai on Strike: The Politics of Chinese Labor, Stanford: Stanford University Press, 1993, hlm. 80. Robert James Harrocks, "The Guangzhou-Hong Kong Strike, 1925-1926: Hong Kong Workers in Anti-Imperialist Movement", Ph. D Thesis, The University of Leeds, 1994, hlm. 118. Earl John Motz, "Great Britain, Hong Kong, And Canton: The Canton-Hong Kong Strike and Boycott of 1925-1926", Ph.D Thesis, Michigan State University, 1972.

³³ Edmund S.K Fung, "*The Diplomacy of Imperial Retreat: Britain's South China Policy, 1924-1931*", hlm.. 44-46.

³⁴ Ibid., hlm. 47.

³⁵ FO371/11621/ F5131/1/10. Annex 13, Swatow in "Memo respecting Canton", by Aston-Gwatsin, 2 February 1926. F5819/2/10, 1925.

³⁶ FO 371/11632/ 4582/194/10, 1925.

³⁷ JM/J1/26/5: Letter J. C. Taylor to A. Brook Smith, 16 September 1925.

³⁸ JM /J1/26/5: Letter J.C. Taylor to A. Brook Smith, 1 September 1925.

³⁹ Semasa KMT mengadakan majlis perasmian Ekspedisi Ke Utara, ia turut dihadiri oleh 50 ribu orang dan sebahagiannya merupakan pekerja yang menyertai kempun mogok dan rusuhan sebelum ini. Mereka ini memainkan peranan sebagai sebagai askar. Pekerja di landasan Canton-Hankow, Canton-Kowloon dan Canton-Sanhsui menubuhkan askar kejuteraan, komunikasi dan pengangkutan bagi membantu askar utama.

⁴⁰ Hankow yang terletak 600 batu daripada Shanghai merupakan konsesi British yang terpencil tetapi mempunyai kepentingan menghubungkan perdagangan di kawasan selatan ke kawasan pendalaman China. JM misalnya mempunyai gudang dan kapal-kapal milik ISCNC (anak syarikat JM dalam sektor perkapalan).

⁴¹ Antara syarikat British yang terjejas teruk adalah Butterfield & Swire (B&S). Kumuplan perusuh membuat kekacauan dan merosakkan harta benda milik B&S. Selain itu, kapal milik anak syarikat B&S juga dirampas dan dirosakkan oleh kumpulan perusuh. JM/J1/28/6: No.42/26. Labour Situation-Strike ICNS Co's Godown Staff. Lihat juga: Robert Nield, *China's Foreign Places: The Foreign Presence in China in the Treaty Port Era*,

1840-1943, Hong Kong University Press, 2015, hlm.118. Robert Bickers, *China Bound: John Swire & Sons and Its World, 1816-1980*, Bloomsbury Business.

⁴²JM/J1/28: Hankow Report Shipping 1927.

⁴³David Landale merupakan cucu saudara kepada pengasas JM. Beliau dilantik menjadi ahli Lembaga Pengarah JM, bermula 1920 sehingga 1935. Beliau mempunyai pengalaman sebagai ahli Majlis Eksekutif (1916), Majlis Perundangan Hong Kong (1913-1919), Pengerusi Majlis Perbandaran Shanghai (1907-1911) dan Pengerusi Hong Kong and Shanghai Banking Corporation (1914-1916). Maggie Keswick, *The Thistle, and the Jade; A Celebration of 150 years of Jardine, Matheson & Co*, hlm. 264-265.

⁴⁴CHAS/MCP/31- China Association: Correspondence for General Committee.

⁴⁵JM/J1/2/19- Copies of Telegram Shanghai to London, 2 June 1925.

⁴⁶JM/J1/2/19- Copies of Telegram Hong Kong to London, 14 July 1925.

⁴⁷JM/J1/2/19 – Copies of Telegram London to Hong Kong, 15 July 1925.

⁴⁸Pengerusi *British American Tobacco Company*.

⁴⁹Pengurus Hong Kong and Shanghai Banking Cooperation. Pernah dilantik sebagai Executive Council of Hong Kong.

⁵⁰Rakan kongsi Butterfield & Swire.

⁵¹Austen Chamberlian merupakan Setiausaha Pejabat Luar Britain.

⁵²JM/J1/2/19- Letter David Landale to Bernard, 30 July 1925.

⁵³JM/J1/2/19- NO. 374. Letter David Landale to Bernard, 19 August 1925.

⁵⁴CHAS/MCP/31: The China Association dan JM MS J1/2/19 – Copy of Letter from China Association to H.M. Principal Secretary of State, 24 July 1925.

⁵⁵JM/J1/2/19- No.377. Letter David Landale to Bernard, 24 September 1925.

⁵⁶F0371/ F3922/194/10, 1925.

⁵⁷FO371/F4779/194/10, 1925: Department of Overseas Trade Report.

⁵⁸JM/ J1/2/19. No. 396. 29 October 1925.

⁵⁹FO371/ 3922/194/10.

⁶⁰FO371/F51/2/10, 1925. Leefe to Waterlow.

⁶¹JM MS J1/2/19- No.371. 17 July 1925.

⁶²JM MS J1/2/19- No. 373. Letter David Landale to Bernard, 19 August 1925.

⁶³CHAS/MCP/31: Letter from China Association to H.M. Principal Secretary of State, 31 July 1925.

⁶⁴JM MS J1/2/19- No. 373. Letter David Landale to Bernard, 4 August 1925.

⁶⁵JM/ J1/11/9 – Letter from Foochow to Hong Kong, 21 January 1926.

⁶⁶JM/J1/11/9- Letter from Foochow to Hong Kong, 31 January 1926.

⁶⁷JM/J1/11/9- “Memo of an Interview Marshall of B & S and I (William Galloway) with Finance Minister T. V. Soong Nationalist Government, Canton, 4 pm. 16th October 1926.

⁶⁸JM/J1/2/20. No.257. Landale to Bernard.

⁶⁹M.J. Bau, The Tariff Autonomy of China”” *Problem of the Pacific 1929*, hlm. 313.

⁷⁰JM/J1/2/19- No. 376. Letter Landale to Bernard, 17 September 1925.

⁷¹JM/ J1/2/19- No. 378. Letter landale to Bernard, 1 October 1925.

⁷²JM/ J1/11/9- No.65. “Political Situation”, 6 October 1926.

⁷³Ibid.

⁷⁴JM/J1/11/19: Canton Agency: Report on Working For Year Ending 30th April 1926.

Rujukan

China Yearbook 1924-1927.

CHAS/MCP/31: Letter from China Association to H.M. Principal Secretary of State, 31 July 1925.

Ching Fatt Yong. 1990. *The Kuomintang Movement in British Malaya, 1912-1949*. Singapore: Singapore University Press.

Chung-Gi Kwe. 1970. *The Kuomintang-Communist Struggle in China 1922-1949*, Netherlands: Martinis Neuhoff.

Earl John Motz. 1972. "Great Britain, Hong Kong, And Canton: The Canton-Hong Kong Strike and Boycott of 1925-1926". Ph. D Thesis. Michigan State University.

Edmund, S.K Fung. 1991. *The Diplomacy of Imperial Retreat: Britain's South China Policy, 1924-1931*.

Fairbank, J.K. 1969. *Trade and Diplomacy on the China Coast: The Opening of the Treaty Ports 1842-1845*. Harvard University Press.

FO371/F4779/194/10, 1925: Department of Overseas Trade Report.

FO/371/11631: Information Relayed by Palairret dispatch, 5 July 1925.

FO371/11621/ F5131/1/10. Annex 13, Swatow in "Memo respecting Canton", by Aston-Gwatsin, 2 February 1926.

Geoffrey Jones. 2002. *Merchants to Multinationals: British Trading Companies in the Nineteenth and Twentieth Centuries*. Oxford: Oxford University Press.

H. Owen Chapman, *The Chinese Revolution 1926-27*, London: Constable and Company, 1928.

Hsu, Immanuel Hsu. 2000. *The Rise of Modern China*. New York: Oxford University.

Joseph T. Chen, *The May Fourth Movement in Shanghai: The Making of a Social Movement in Modern China*, Leiden: Brill.

James, Megginson William. 1973. "Britain's Response to Chinese Nationalism, 1925-1927: The Foreign Office Search for a New Policy," Ph. D Thesis, George Washington University.

JM/J1/11/9-19: Letter from Foochow to Hong Kong 1925-1926.

JM/J1/2/19-20: Copies of Telegram Shanghai, Hong Kong to London 1925.

JM/J1/28/6.

JM/J1/J26/5: Letter J. C. Taylor to A. Brook Smith, 16 September 1925.

JM/I21/9/36/1: Annual Report Ewo Cotton Mills Ltd.

Keswick, Maggie & Weatherall, Clara (edit). 1982. *The Thistle and the Jade: A Celebration of 175 Years of Jardine*.

Lee, Lao To. 1996. *Trade Unions in China 1949 to the Present*. Singapore University Press. Matheson.

Micheal, Greenberg. 1969. *British Trade and Opening China 1800-1842*. Cambridge University Press.

Peter Gaffney Clark. 1973. "Britain, and the Chinese Revolution, 1925-1927", Ph. D Thesis, University of California.

Perry, J. Elizabeth. 1993. *Shanghai on Strike: The Politics of Chinese Labor*, Stanford: Stanford University Press, 1993.

Robert James Harrocks. 1994. "The Guangzhou-Hong Kong Strike, 1925-1926: Hong Kong Workers in Anti-Imperialist Movement", Ph. D Thesis, The University of Leeds.

- Wong, J. Y. 1999. *Deadly dreams: Opium, imperialism, and the Arrow War (1856-1860) in China*. Cambridge University Press.
- Van Dyke, Paul A. 2007. *Canton Trade: Life and Enterprise on the China East 1700-1845*. Hong Kong.